

Menangani gejala politik

Oleh Kadir Dikoh

BH 10 APR 2000

"POLITIK wang, walau kecil sekalipun, perlulah dielak. Politik wang mungkin bermula dengan secawan kopi, tetapi ia boleh meningkat hingga berjuta-juta ringgit. Ia boleh dilakukan sesiapa saja," kata Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan penangguhannya pada perhimpunan khas 1994 itu bagi menangani politik wang dalam Umno.

Kini isu politik wang menjelang pemilihan pelbagai jawatan dalam Umno 11 Mei ini, timbul semula. Khabar angin menyebut sudah ada calon tertentu yang memberi habuan RM30,000 sehingga RM50,000 bagi setiap bahagian yang mencalonkannya. Malah, perwakilan yang bakal berhimpun di Kuala Lumpur awal bulan depan dikatakan sudah mula 'mengutip tol' (menagih ganjaran) daripada calon mereka yang sudah melayakkan diri bertanding jawatan Majlis Tertinggi (MT).

Memang menjadi asas demokrasi adalah populariti dan disukai ramai. Tetapi untuk mencari populariti, bukanlah dengan menabur wang apatah lagi mencaci orang lain. Umno sudah memperkenalkan kod etika pemilihan, tetapi Umno mungkin memerlukan pengawasan lebih rapi atau fasa tambahan dimasukkan dalam kod etika itu, bagi melarang kempen berterusan sehingga dekat hari pemilihan, seperti bila perwakilan sampai di Kuala Lumpur.

Hakikatnya, undang-undang dan peraturan tidak boleh mendisiplinkan ahli Umno sekiranya idealisme perjuangan dan nasionalisme Melayu-Umno sudah tidak ada. Perjuangan untuk bangsa, negara dan agama cuma kata-kata hambar pemanis mulut. Apabila wang digunakan sebagai sogokan membeli undi dan pengaruh, maka akan hilanglah segala iltizam dan idealisme perjuangan. Sememangnya, da-

lam demokrasi, perkara terpenting yang kerap ditekankan ialah hak untuk bertanding dan memilih pemimpin. Umno menerima hakikat itu, namun kebimbangannya ialah dalam keghairahan pengikut memastikan pemimpin mereka menang, pelbagai perkara boleh berlaku.

Memandangkan Umno di ambang peralihan kuasa, persaingan sengit dijangka berlaku dalam pemilihan bulan depan terutama bagi jawatan naib presiden, Majlis Tertinggi selain saingan merebut jawatan ketua pergerakan wanita.

Hiraki kepemimpinan adalah ibarat sebuah piramid. Ia menjurus di bahagian atas, yang bermakna tidak ramai diberi peluang untuk menjawat jawatan itu. Nescaya persaingan berlaku dan dalam keghairahan ini, kempen tidak dapat dielakkan dan di sinilah calon atau ejen masing-masing terdedah kepada pelbagai tindak-tanduk yang mungkin bercanggah dengan kod etika pemilihan atau kegiatan tidak bermoral seperti sogokan.

Soalnya siapa mahu mengawasi siapa? Sanggupkah perwakilan menolak apabila ada calon mahu menyelesaikan bil hotelnya? Mungkin-kah segala bil hotel perwakilan nanti dibayar oleh ibu pejabat Umno dan mereka yang ingin 'menabur wang', dermalah kepada tabung khas bagi tujuan itu, termasuk untuk kos pengangkutan? Umno pernah digegarkan dengan masalah politik wang sehingga perlu perhimpunan khas diadakan pada 1994. Persoalannya, apakah penyakit lama ini belum pun dapat disembuhkan sepenuhnya tetapi kini merebak kembali?

Apakah ahli Umno terutama perwakilan yang berdiri di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 19 Jun 1994, lupa

Perbuatan menyogok adalah jijik dan salah, tidak kira sama ada orang lama, orang baru, ahli Umno atau bukan ahli Umno

dengan sumpah mereka untuk membersihkan Umno daripada gejala politik wang? Ketika itu, Umno meminda perlembagaan dengan memuatkan fasal kecil baru 18.7, memperuntukkan larangan penyalahgunaan kuasa, kedudukan dan wang untuk mendapat undi serta sokongan atau untuk mempengaruhi mana pemilihan bagi pihak sendiri atau bagi pihak lain atau supaya jangan mengundi mana-mana calon atau orang dalam mana-mana pemilihan parti. Ia dibuat ketika itu, setelah politik wang sampai ke kemuncak menjelang pemilihan 1993.

Fenomena politik wang itu mula kelihatan serius apabila kedengaran beberapa pihak mendakwa lebih RM20 juta dibelanjakan bagi tujuan pertandingan pada 1984. Namun, ahli Umno tidak banyak berubah, malah semakin galak bermain dengan wang pada pemilihan 1987 dan dikatakan berlaku hampir di semua peringkat pemilihan ketika parti itu menuju pemilihan pada perhimpunan agung 1990 dan yang terakhir 1993.

Tentu kita masih ingat dengan jolokan *the six million dollar man* kerana didakwa mengamalkan politik wang. Ketika itu juga, seorang anggota Umno pernah mengakui beliau cuma

wang dalam Umno

- perlu tandatangan bil makan pada setiap hari di sebuah restoran mewah sepanjang sebulan menjelang pemilihan Umno bahagian 1993. Bil itu dimasukkan ke dalam buku akaun calon ketua bahagian yang disokongnya.

Dalam keghairahan memberi rasuah itu, pernah berlaku ejen calon ketua bahagian di sebuah negeri di Pantai Timur tersalah orang apabila memberi wang dan pelbagai hadiah barangan kepada individu bukan perwakilan. Pada 1995, ibu pejabat Umno pernah menerima laporan bahawa RM6 juta ditaburkan dalam perebutan jawatan pada peringkat bahagian.

Mungkin ada di kalangan 1,761 perwakilan enam tahun lalu itu, kini sudah tidak berada dalam politik arus perdana dan orang baru pula mengambil alih. Tetapi semua orang tahu, perbuatan menyogok adalah jijik dan salah, tidak kira sama ada orang lama, orang baru, ahli Umno atau bukan ahli Umno. Mereka tidak lupa kepada sumpah yang mereka buat pada 1994 itu, tetapi sengaja ingkar, tidak memandang berat atau mahu menunjukkan kekuatan diri.

Walaupun peruntukan dalam perlembagaan Umno itu tegas dan masih dikuatkuasakan hingga sekarang, nampaknya, ia masih belum mampu mengendurkan semangat golongan yang ingin mencari kedudukan. Umno perlu membuktikan bahawa mereka yang terbabit dalam perbuatan ini menerima hukuman.

Malah, sejak mesyuarat perwakilan bahagian bermula 2 Mac dan akan berakhir tidak lama lagi, memang ada kedengaran mengenai kegiatan politik wang. Ada kalangan tertentu dikatakan memberi sogokan bukan saja bagi mendapat pencalonan, malah untuk mempengaruhi pengundian bagi memilih perwakilan daripada bahagian ke perhimpunan

agung Umno bulan depan.

Pihak media yang menghidu beritanya ada calon naib presiden membayar sehingga RM50,000 bagi mendapat pencalonan bahagian, meminta pandangan bakal Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno, selepas menghadiri satu majlis di ibu negara Khamis lalu.

Naib Presiden yang menjalankan tugastimbangan presiden itu yang kelihatan terkejut, dengan tegas menyatakan bahawa calon merebut pelbagai jawatan dalam parti, termasuk bagi kerusi naib presiden yang didapati menggunakan wang untuk membeli undi atau mendapatkan pencalonan bahagian, boleh digugurkan daripada jawatan yang dimenangi pada pemilihan 11 Mei ini. Timbalan Perdana Menteri menyatakan hukuman tidak terhad kepada penguguran calon terbabit sebelum pertandingan seperti dilakukan sebelum ini, tetapi selepas mereka memenangnya.

“Siapa yang ada maklumat, berilah maklumat itu. Jangan hanya mengatakan ada orang menggunakan wang RM30,000, RM50,000. Kalau buat tuduhan cakap-cakap itu...buat apa. Apa yang kita boleh buat kerana semua orang boleh cakap, semua orang boleh buat tuduhan. Yang penting, kalau ada maklumat, beritahu kerana kita boleh ambil tindakan. Setakat ini kita belum terima aduan rasmi,” katanya.

Namun, kalangan pemerhati berpendapat keseluruhannya kegiatan politik wang kali ini agak reda berbanding sebelum ini meskipun saingan sengit berlaku bulan depan terutama membabitkan pertandingan jawatan naib

LIHAT MUKA 11

Politik wang bawa padah kepada parti

DARI MUKA 10

BH 10 APR 2000

presiden. "Nampaknya ahli Umno kali ini lebih berhati-hati. Jika ada sekalipun kegiatan menabur wang ringgit, ia mungkin perbuatan sebilangan kecil dan tidak mungkin angkanya mencecah jutaan ringgit," katanya.

"Dalam politik, wang memang diperlukan bagi menjalankan pelbagai kegiatan. Cara dan bagaimana ia digunakan juga adalah menjadi pertimbangan. Sekiranya ia bertujuan kebaikan, ia tidaklah menjadi kesalahan. Seperti juga pisau yang boleh digunakan secara baik dan berfaedah tetapi ia juga boleh digunakan untuk membunuh. Begitu juga dengan wang, dalam politik kadangkala ia boleh menjadi alat untuk membunuh kerjaya seseorang di dalam politik kepartian," kata ahli sains politik yang kini bergelar 'yang berhormat'. Namun, sebelum mesyuarat bahagian bermula, MT Umno dalam mesyuaratnya 4 Februari lalu meluluskan kod etika perilaku pemilihan yang antara lain mencadangkan supaya calon yang dikesan menggunakan wang untuk mempengaruhi undi, akan hilang kelayakan bertanding.

"Kod etika ini perlu bagi mengelak berlaku kegiatan 'jual beli' antara calon dengan perwakilan. Politik wang hanya melemahkan parti kerana sesuatu kemenangan bukan berlandaskan sokongan tulen terhadap seseorang itu," kata calon Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Disebabkan amalan politik wang serta perbuatan kurang sihat lain yang masih belum dapat dibanteras sepenuhnya, maka tidak salah sekiranya

peraturan tambahan diadakan. Kod etika itu hanyalah garis panduan, bukannya satu undang-undang. Maknanya, ia lebih memihak dari segi moral untuk memastikan keghairahan berkempen bagi pemilihan Mei ini tidak dicemari amalan yang tidak baik. Umno sudah tentu tidak mahu pengalaman lalu sekali lagi menghantui parti itu.

Dua puluh tahun lalu, Dr Mahathir yang ketika itu menjadi Timbalan Presiden ketika merasmikan mesyuarat agung Pemuda dan Wanita di Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ada mengingatkan bahawa Umno mahu pertandingan merebut apa juga jawatan dalam parti dijalankan dengan cara teratur dan mengikut amalan demokrasi yang baik. Beliau menegaskan wang tidak harus digunakan untuk memancing undi, begitu juga taktik menambah ahli menjelang pemilihan, mengugut dan mengangkuat penyokong melawat tempat menarik sebagai ganjaran memberi undi.

Politik wang mungkin bermula serendah-rendahnya pada peringkat cawangan kerana ia akan menjadi penentu pemimpin pada peringkat atasan di perhimpunan agung Umno. Jika sebahagian besar bahagian didorong gejala politik wang, kita boleh bayangkan betapa buruknya keadaan hari ini. Kita percaya keadaan ini berlaku kerana Umno ialah sebuah parti terbesar dan paling berpengaruh. Masing-masing ghairah untuk menjadi pemimpin.

Kita yakin perwakilan kali ini akan menolak calon yang

mengamalkan politik wang kerana perbuatan itu akan membunuh potensi pemimpin yang benar-henar jujur dan berwibawa. Calon Naib Presiden, Datuk Seri Abu Hassan Omar berpendapat, Umno sentiasa berpegang teguh bahawa pemimpin yang naik menggunakan wang bukanlah pemimpin yang sejati. "Kemenangan yang dicapai hanya kerana sanggup menabur banyak wang dan bukan dipilih kerana berwibawa dan mempunyai bakat kepemimpinan," katanya di Genting Highlands, baru-baru ini.

Ketua Umno Bahagian Lembah Pantai, Datuk Kamal Hussain kesal ada segelintir perwakilan tidak memahami kesan perbuatan mereka dan sanggup menurut telunjuk pihak tertentu walaupun dengan sogokan wang sebanyak RM 100. Beliau mendapati usaha pihak tertentu mempengaruhi pengundian bagi memilih perwakilan daripada bahagian itu ke perhimpunan agung Umno bulan depan.

Oleh itu, kita tidak mahu politik wang menyerang Umno kali ini kerana adanya golongan yang gila kuasa. Sesungguhnya, politik wang ini akan membawa padah kepada parti dan orang Melayu. Wang yang ditabur menyebabkan kita lupa diri dan mewujudkan pemilihan yang tidak sihat. Akhimya, Umno dikuasai oleh golongan yang mempunyai wang dan hanya mementingkan diri. Sebaliknya, calon yang mempunyai rekod bersih, mempunyai bakat untuk memimpin dan berpengalaman tidak lagi menjadi kriteria utama pemilihan.

Jangan bertopengkan demokrasi bagi mendapatkan lesen melakukan sesuatu sesuka hati sehingga akhimya Umno itu sendiri hancur. Memang diakui demokrasi dalam Umno berjalan dengan baik. Umno tetap berpegang teguh kepada demokrasi kerana demokrasi adalah sistem adil dan lebih selamat. Lanjutan itu, perkara terpenting dalam demokrasi yang kerap ditekankan ialah hak untuk memilih pemimpin. Dalam demokrasi, pemimpin boleh ditukar jika majoriti ahli ingin berbuat demikian. Tetapi ramai kita lupa demokrasi bukanlah semata-mata untuk demokrasi. Demokrasi hanyalah alat dan cara pemerintahan yang lebih mampu memberi keadilan berbanding sistem lain. Tetapi kebebasan dan demokrasi ada kelemahannya dan paling ketara ia boleh disalahgunakan.

Bagaimanapun, kita yakin 'mood' ahli Umno menjelang pemilihan bulan depan ialah memberi sokongan padu kepada barisan pemimpin yang layak supaya tugas menguruskan parti dan negara menjadi lebih mudah untuk terus mempertahankan sistem demokrasi.

Dengan gelombang perubahan dan pelbagai cabaran alaf baru, kita yakin ahli Umno dan orang Melayu meletakkan diri mereka sebagai masyarakat yang mementingkan realiti dengan mengetepikan soal titik bengik. Lebih penting, ahli semakin dapat menghayati bahawa pertandingan dalam Umno adalah proses menawarkan diri untuk berkhidmat kepada parti, bangsa dan agama bukannya untuk kepentingan peribadi.